



**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

**BAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI
TAHUN 2016**

1 TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri Johor memberi Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Prestasi Khas Tahun 2016 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

2 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Johor telah membuat keputusan supaya Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 dibayar sebagai penghargaan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Speaker Dewan Undangan Negeri, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Kadar Bayaran Bonus Tahun 2016 yang ditetapkan adalah sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00.

3 PELAKSANAAN

Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 ini diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Speaker Dewan Negeri, Timbalan Speaker, dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang berkhidmat dalam tahun 2016 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.

4 PEGAWAI YANG LAYAK

4.1 Pegawai yang layak dibayar Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 adalah sepertimana berikut :

- i. Pegawai lantikan tetap, sementara dan "*contract of service*" dan guru interim;
- ii. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- iii. Pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2016;
- iv. Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
- v. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Johor yang berkhidmat dalam tahun 2016;

SUKJ.BPSM.12/9(4)

- vi. Speaker Dewan Undangan Negeri Johor yang berkhidmat dalam tahun 2016;
- vii. Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor yang berkhidmat dalam tahun 2016;
- viii. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang berkhidmat dalam tahun 2016.
- ix. Jawatan-jawatan lain yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor.

5 PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

5.1 Pegawai yang tidak layak dibayar Bayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 adalah sepertimana berikut :

- i. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2016;
- ii. Pegawai yang bercuti separuh gaji sepanjang tahun 2016.
- iii. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2016.
- iv. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta tetapi sepanjang tahun 2016;
- v. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain hukuman amaran dalam tahun 2016.
- vi. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2016.
- vii. Pegawai yang meletak jawatan dalam tahun 2016.

6 PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN PEMBERIAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Bonus Tahun 2016. Pegawai atau individu hanya layak dibayar Bayaran Bonus Tahun 2016 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai atau individu tersebut tidak bersalah.

7 PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Imbuan Tahunan Tahun 2016 sebanyak setengah bulan gaji purata atau minimum RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016.

8 SYARAT PEMBAYARAN

8.1 Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2016 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.

8.2 Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini akan dibayar pada 22 Disember 2016. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2016 atau gaji terakhir bulanan yang diterima pada tahun 2016.

SUKJ.BPSM.12/9(4)

- 8.3 Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:
- a. gaji pokok;
 - b. gaji pokok di gred hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
 - c. gaji yang diberikan atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
 - d. Elaun Bulanan bagi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

9 KAEDAH PENGIRAAN

- 9.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah di dibayar secara pro-rata (proportionate) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Contoh pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran A**.
- 9.2 Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Peningkatan Secara Lantikan (PSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara/ bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2016, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2016 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2016. Contoh pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran B**.

SUKJ.BPSM.12/9(4)

- 9.3 Bagi pegawai berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2016, Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2016. Jumlah Imbuan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Bantuan Khas sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Contoh Pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran C**.
- 9.4 Bagi pegawai tidak berpencen yang bersara/ meninggal dunia pada tahun 2016, Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00 adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tahun 2016. Contoh pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran D**.
- 9.5 Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada tahun 2016 layak dibayar Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 berdasarkan gaji bulan Disember 2016 atau gaji akhir bulanan yang diterima pada tahun 2016. Jumlah Imbuan Tahunan patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan Bayaran Bantuan Khas sebanyak RM250.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Contoh Pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran E**.

- 9.6 Bagi Pekerja Sambilan Harian (PSH), Imbuhan Tahunan adalah sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM500.00 tertakluk kepada tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2016. Contoh pengiraan adalah sepertimana di **Lampiran F**.
- 9.7 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2016. Dalam keadaan dimana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun 2016 masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi.

10 JABATAN YANG MEMBAYAR

- 10.1 Pembayaran imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2016 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.
- 10.2 Bagi pegawai yang bersara atau meninggal dunia dalam tahun 2016, bayaran Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.


11 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

12 PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM)
Setiausaha Kerajaan
Johor.

07 Disember 2016

**CONTOH PENGIRAAN
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2016**

Contoh 1: Pegawai Lantikan Baru Pada 1 April 2016

Puan Sharida telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir pada Gred N41 pada 1 April 2016 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,147.45. Gaji Bulan disember telah berubah kepada RM2,372.45

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 2,372.45 \times \frac{275^a}{366^b} \right)$$

$$= \text{RM } 891.29$$

^a 275 hari – Bilangan hari Berkhidmat dari 1 April 2016 hingga 31 Disember 2016

^b 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti – cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 2: Pegawai Lantikan Baru Yang Layak Dibayar Imbuhan Tahunan Dengan Kadar Minimum RM500.00

Encik Faizal telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir Gred 41 pada 02 Disember 2016 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,283.43.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji akhir bulanan 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 2,283.43 \times \frac{30^a}{366^b} \right)$$

= **RM 93.58 (layak dibayar kadar minimum RM500.00)**

Memandangkan pegawai telah memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016, pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

^a 30 hari – Bilangan hari Berkhidmat dari 2 Disember 2016 hingga 31 Disember 2016

^b 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti – cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 3: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2016

Puan Faezah yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 April 2016 hingga 30 April 2016. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 1 Mei 2016. Gaji pegawai pada Disember 2016 adalah sebanyak RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \text{A} & \text{B} \\ = & \left[\left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left(\frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2016} \right) \times \frac{\text{bil. hari CSG}}{366} \right\} \right] \\ & \text{C} \\ + & \left[\left\{ 0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right\} \right] \\ = & \left[\left\{ 0.5 \times \text{RM3,583.04} \times \frac{91^{\text{a}}}{366} \right\} + \left\{ 0.5 \times \left(\frac{1}{2} \times \text{RM3,583.04} \right) \times \frac{30^{\text{b}}}{366} \right\} \right] \\ + & \left[\left\{ 0.5 \times \text{RM 3,583.04} \times \frac{245^{\text{c}}}{366^{\text{d}}} \right\} \right] \\ = & [\text{RM 445.43} + \text{RM 73.42} + \text{RM 1,199.24}] \\ = & \text{RM 1,718.09} \end{aligned}$$

^A Bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Mac 2016

^B Bagi tempoh 1 April 2016 hingga 30 April 2016

^C Bagi tempoh 1 Mei 2016 hingga 31 Disember 2016

^a 91 hari – Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2016 hingga 30 Mac 2016

^b 30 hari – Bilangan hari Cuti Separuh Gaji (CSG) dari 1 April 2016 hingga 30 April 2016

^c 246 hari – Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mei 2016 hingga 31 Disember 2016

^d 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 4: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Razali yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 November 2015. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 Januari 2016. Gaji pegawai pada Disember 2016 adalah sebanyak RM 1,791.01.

Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan 2016 sebanyak setengah bulan gaji atau kadar minimum RM500.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 Januari 2016.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- i. amaran;
- ii. denda;
- iii. lucut hak emolument;
- iv. tangguh pergerakan gaji;
- v. turun gaji
- vi. turun pangkat; atau
- vii. buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib **selain** daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

Contoh 5: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2017

Encik Azwan telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2016 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Januari 2017. Gaji diterima pegawai pada bulan Disember 2016 di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,602.00.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 3,287.45 \times \frac{366}{366}^a \right)$$

$$= \text{RM1,643.72}$$

^a 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 6: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2016

Puan Zeqna telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 15 Oktober 2016. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di Gred F44 adalah RM3,602.00.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 3,602.00 \times \frac{366}{366^a} \right)$$

$$= \text{RM } 1,801.00$$

^a 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 7: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya

Encik Dahri yang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Gred N48 telah dipinjamkan ke Johor Corporation dari 1 Jun 2014 hingga 31 Mei 2016. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di Pejabat Tanah pada 1 Jun 2016. Gaji pegawai pada Disember 2016 adalah sebanyak RM5,936.91.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 5,936.91 \times \frac{214^a}{366^b} \right)$$

$$= \text{RM1,735.65}$$

^a 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2016 hingga 31 Disember 2016

^b 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 8: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Antarabangsa

Encik Ali yang berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Gred N52 telah dipinjamkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2016. Beliau kemudiannya kembali bertugas di Pejabat Daerah pada 1 Oktober 2016. Gaji pegawai pada Disember 2016 adalah sebanyak RM7,031.29.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2014} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right) \\ &= \left(0.5 \times \text{RM } 7,031.29 \times \frac{92^{\text{a}}}{366^{\text{b}}} \right) \\ &= \text{RM}883.71 \end{aligned}$$

^a 92 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016

^b366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 9: Pegawai Yang Bersara (Penerima Pencen) Pada 25 Disember 2016

Encik Adi yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah bersara pada 25 Disember 2016. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

=Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima – Bayaran Bantuan Khas (Dis.2016)

$$= \left(0.5 \times \text{gaji akhir bulanan 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right) - \text{RM } 250.00$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 3,497.76 \times \frac{359^a}{366^b} \right) - \text{RM } 250.00$$

$$= \text{RM } 1,715.43 - \text{RM } 250.00$$

$$= \text{RM } 1,465.43$$

^a 359 hari – Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2016 hingga 24 Disember 2016

^b 366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 10: Pegawai Yang Meninggal Dunia (Bukan Penerima Pencen) Pada 1 November 2016

Puan Maria yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Kewangan Gred W26 telah meninggal dunia pada 1 November 2016. Gaji terakhir pegawai adalah RM 3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji terakhir 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 3,497.76 \times \frac{306^a}{366^b} \right)$$

$$= \text{RM } 1,462.18$$

^a306 hari – Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2016 hingga 1 November 2016

^b366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

SUKJ.BPSM.12/9(4)

Contoh 11: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2015 dan Dilantik Semula Secara *Contract of Service*

Encik Salim telah bersara pada tahun 2015. Beliau seterusnya telah dilantik semula secara contract of service dari 1 Oktober 2015 hingga 30 September 2017 di Pejabat Tanah. Gaji pegawai pada Disember 2016 adalah sebanyak RM5,936.92.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

=Jumlah Imbuhan Tahunan patut terima – Bayaran Bantuan Khas (Dis.2016)

$$= \left(0.5 \times \text{gaji Disember 2016} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \right) - \text{RM } 250.00$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 5,936.92 \times \frac{366}{366^a} \right) - \text{RM } 250.00$$

$$= \text{RM } 2,968.46 - \text{RM } 250.00$$

$$= \text{RM } 2,718.46$$

^a366 hari – Bilangan hari dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 12: Pekerja Sambilan Harian

Encik Zarul telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Pejabat Daerah pada 1 Ogos 2016 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2016 hingga 31 Januari 2017.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	20	1,440.00
September	21	1,512.00
Oktober	21	1,512.00
November	21	1,512.00
Disember	21	1,440.00
GAJI PURATA		1,483.20

*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi PSH adalah seperti berikut:

$$= \left(0.5 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil. bulan berkhidmat}}{12} \right)$$

$$= \left(0.5 \times \text{RM } 1,483.20 \times \frac{5}{12} \right)$$

= **RM 309.00 (layak dibayar kadar minimum RM 500.00)**

Memandangkan PSH tersebut telah memenuhi syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tahun 2016, beliau layak dibayar Imbuan Tahunan sebanyak setengah bulan gaji berdasarkan purata gaji bulanan atau kadar minimum sebanyak RM500.00. Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuan Tahunan beliau adalah kurang daripada RM500.00, maka beliau layak dibayar Imbuan Tahunan sebanyak RM500.00 iaitu kadar minimum yang ditetapkan.